KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	21.07.22	MUKA SURAT	:	21
JABATAN	:	PERHILITAN			



SEEKOR gajah liar ditangkap di Kampung Seri Ketengga, Siong, Baling, kelmarin.

Tiga jam pindah Awang Ketengga

Gajah liar berkeliaran di kebun sejak 2 minggu lalu ditangkap

Oleh Safuri Kamarudin
am@hmetro.com.my

Baling

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Kedah mengambil masa tiga jam untuk memindahkan seekor gajah liar di Kampung Seri Ketengga, Siong dekat sini, kelmarin.

Pengarahnya, Jamalun Nasir Ibrahim berkata, pihaknya menggunakan khidmat dua ekor gajah denak, Rambai dan Sanun dari Kuala Gandah, Pahang untuk memindahkan gajah liar yang dikenali sebagai Awang Ketengga yang dilaporkan berkeliaran di kawasan kebun penduduk sejak dua minggu lalu.

"Kehadiran Awang Ketengga berhampiran kampung dan kebun itu menyebabkan penduduk sekitarnya takut untuk keluar mencari rezeki.

"Anggota Perhilitan serta Unit Tangkapan Gajah (UTG) sudah menjalankan operasi mengesan dan menangkap gajah liar berusia 10 hingga 12 tahun serta berjaya ditangkap pada Sabtu lalu dalam keadaan sihat selepas dipercayai tersesat daripada kawanan gajah lain," katanya.

Katanya, operasi membawa keluar Awang Ketengga berjalan dengan lancar dengan bantuan dua ekor gajah denak.

"Setakat ini, sebelas gajah berjaya ditangkap di Kedah iaitu di Sik dan Baling serta tidak menolak kemungkinan masih terdapat gajah liar di kawasan hutan berkenaan kerana menjadi kebiasaan haiwan itu bergerak dalam kumpulan.

"Gajah liar berpindah dari satu tempat ke tempat lain untuk mencari makanan, tetapi apabila kawasan habitatnya diceroboh akibat projek pertanian atau pembangunan, haiwan itu akan masuk ke kampung," katanya.

Jamalun berkata, kumpulan haiwan liar dikesan bergerak dari Hutan Simpanan Ulu Muda dan Gunung Inas selain turut memusnahkan banyak tanaman penduduk seperti pisang, kuinin, durian, kelapa, dokong dan kelapa sawit.

"Haiwan itu sudah biasa mencari makan di sini. Lagipun gajah turut mempunyai konflik kawasan antara kawanan gajah lain kerana kampung ini mempunyai banyak sumber makanannya," katanya.

Sementara itu, penduduk kampung, Tarmizi Che Rus, 52, berkata, haiwan itu bergerak dari satu kawasan ke kawasan yang lain untuk mencari makanan.